

28 AUG 2000

Mahathir-Wanita

KERAJAAN AKAN TIMBANG WUJUDKAN KEMENTERIAN UNTUK WANITA

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mempertimbangkan cadangan beberapa pihak bagi mewujudkan kementerian untuk wanita.

"Perkara ini akan diberi pertimbangan sewajarnya," katanya ketika berucap merasmikan Hari Wanita 2000 yang bertemakan Nur Bermula Dengan Mu di Kuala Lumpur City Centre di sini, malam ini.

Selain itu kerajaan juga akan mempertimbangkan peruntukkan yang lebih besar untuk kegiatan wanita bagi meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti wanita, katanya.

Beliau berkata kerajaan juga akan memberi pertimbangan dan mempertahankan hak-hak wanita daripada dicabuli oleh mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata kerajaan amat menghargai sumbangan wanita dalam pelbagai bidang dalam pembangunan negara, seperti juga peranan yang dimainkan oleh kaum lelaki.

"Ini bermakna peranan yang dimainkan golongan wanita tidak kurangnya seperti juga yang dimainkan oleh golongan lelaki.

"Malah wanita lebih serius dalam usaha mereka terutamanya seperti dalam menguasai ilmu," katanya sambil merujuk bahawa lebih ramai penuntut wanita berbanding lelaki yang sedang melanjutkan pendidikan di peringkat pengajian tinggi.

Dr Mahathir berkata, golongan wanita juga kini semakin berjaya sehingga ramai yang telah menjadi ketua dalam beberapa kementerian, menjadi jurutera, juruterbang dan sebagainya yang pada suatu ketika dahulu didominasi oleh kaum lelaki.

Katanya, di Malaysia, wanita sentiasa diberi peluang seluasnya dalam apa juga bidang sehinggakan tidak terdapat perbezaan yang luas antara kaum lelaki dan wanita.

Dr Mahathir berkata tenaga kaum Hawa itu amat diperlukan dalam pembangunan negara kerana mereka merupakan kira-kira setengah daripada populasi 23 juta rakyat Malaysia.

"Kalau kita asingkan wanita daripada tugas membangunkan negara, iaitu kira-kira 11.5 juta penduduk, maka negara kita hanya dapat dibangunkan oleh golongan lelaki (11.5 juta). Kita perlukan semua tenaga dalam memajukan negara kita," katanya.

Perdana Menteri juga berkata langkah mengadakan perhimpunan seperti itu amat baik kerana ia selaras dengan usaha meningkatkan lagi kerjasama golongan wanita yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama serta sosio-budaya yang berbeza.

Beliau turut mengingatkan rakyat supaya sentiasa berhati-hati terhadap sensitiviti pihak lain supaya keamanan dan kesejahteraan dapat dikekalkan.

"Kalau semua pihak sensitif terhadap sensitiviti orang lain, maka negara kita akan kekal aman dan sejahtera," katanya.

Katanya lagi, kerajaan sentiasa mengambil berat setiap tuntutan serta cadangan dari pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan (NGO), tetapi semua pihak juga harus faham bahawa tidak semua tuntutan dapat dilaksanakan.

"Yang penting kita (semua pihak) sanggup terima bahawa ada perkara yang dapat dicapai dan ada yang tidak," katanya sambil menggesa supaya tuntutan itu dilakukan secara bersopan dan bertanggungjawab.

Majlis itu dihadiri oleh kira-kira 15,000 wanita daripada pelbagai pertubuhan seluruh negara.

Kontingen Perak diisytiharkan pemenang pertama pertandingan perarakan dan menerima sebuah kereta Proton Wira, manakala tempat kedua oleh Sabah yang memenangi Proton Saga Iswara.

--BERNAMA

APG zb